

D702

U B097 AAB

PARLIMEN - AGONG

1984

KUALA LUMPUR, 16 NOV. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SEMUA PIHAK DI NEGARA INI PERLU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN ANTARA SATU SAMA LAIN UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI LEBIH AMAN, MAKMUR, BERSATUPADU DAN BERMARUAH.

PERDANA MENTERI BERKATA: +KITA SEDANG BERSUNGGUH-SUNGGUH BERUSAHA KE ARAH ITU DAN OLEH ITU RAKYAT TIDAK BOLEH LALAI TERHADAP ANCAMAN DARIPADA GOLONGAN-GOLONGAN DAN ANASIR-ANASIR YANG SENGAJA HENDAK MENGGUGAT AZAM DAN TEKAD SERTA USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT.+

KATANYA MATLAMAT ITU MENJADI LEBIH RUMIT KERANA DALAM MASYARAKAT YANG BERBILANG KAUM DAN YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI TERDAPAT GOLONGAN-GOLONGAN YANG SENGAJA MENGGUNAKAN ISU-SIU POLITIK, AGAMA DAN PERKAUMAN UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.

DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN SEDEMIKIAN, NEGARA MEMERLUKAN TAAT SETIA YANG TIDAK BERBELAH-BAHAGI

KETIKA MEBENTANGKAN USUL MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA

AGONG IMPENA PERTABALAN B

DEWAN  
SUARA.

DISINI TERSEBUT

DILULUSKAN DENGAN SEBULAT

YAKIN

SEORANG DARIPADA PEMERINTAHAN

BERSUNGGUH-SUNGGUH

LAGI

1907MST16.11 8 4

D703

U B098 AAB

PARLIMEN - AGONG KUALA LUMPUR

DATUK MAHATHIR MENSIFATKAN PERTABALAN SERI PADUKA SEBAGAI DI-PERTUAN AGONG KELAPAN, SEBAGAI SATU AMALAN MERUPAKAN KEMUNCIAK KEPADA PROSES PEMILIHAN SEORANG

MENURUTNYA PERTABALAN SERI

SATU PERXSTXWA

SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA

INI AMALKAN.

SERID  
SISTEM

A

L

A

M

INI SERTA

LAMBANG

PERPADUAN

DAN

SETIA SELURUH RAKYAT, KATANYA

SAMBIL MELAHIRKAN IKRAR BAGI PIHAK DIRINYA DAN SEMUA ANGGOTA PARLIMEN, BELIAU BERHARAP NEGARA INI AKAN BERTAMBAH AMAN, MAKMUR DAN BERSATUPADU DALAM TEMPOH PEMERINTAHAN SERI PADUKA. - - -

MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DATUK DR. NEOYEE PAN  
Y AN G MENYOKONG USUL IT U BERKATA MUSUH NEGARA MENGGUNAKAN DUA  
STRATEGI UNTUK MENIMBULKANKACAU-BILAUDALAM MASYARAKAT SETIAP KAUM  
DI NEGARA INI. -- LAGI  
1909MST 16 11 84

D704

U 0099 AAP

PARLIMEN - AGONG 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YANG JUGA PEMANGKU PRESIDEN MCA BERKATAKEDUA-DUA  
STRATEGI ITU IALAH UNTUK MEWUJUDKAN PERPECAHAN PERPADUAN RAKYAT YANG  
BERBILANGKAUM DAN AGAMA DAN SERENTAK DENGAN ITUMENCETUSKAN  
PERGADUHAN DAN PERSELISIHAN DALAM MASYARAKAT.

INI KATANYA JELAS DIPERLIHATKAN DARIPADA BEBERAPA ISU YANG  
MENYENTUHUNSURPERKAUMAN DAN AGAMA YANG SENGAJA DITIMBULKAN UNTUK  
MENGHASUT DAN MENGHANCURKAN PERPADUAN MASYARAKAT MELAYU,CINA DAN  
INDIA.

SAMBIL MENYATAKAN KEADAAN TERSEBUT MASIH BELUM DI TAHAP YANG  
SERIUS, BELIAU JUGA MELAHIRKAN KEYAKINANNYA BAHAWA NEGARA INI AKAN  
DAPAT MENGATASI SEGALA-GALA ANCAMAN TERSEBUT DI BAWAH PEMERINTAHAN  
DAN INSPIRASI SERI PADUKA BAGINDA.

MENURUTNYA SERI PADUKA BAGINDA ADALAH SEORANG RAJA YANG PEMURAH  
YANG AKAN TETAP MENGAMBIL BERAT TENTANG KEBAJIKAN DAN KEBAHAGIAN  
RAKYAT DALAM TEMPOH PEMERINTAHANNYA. -- LAGI  
1911MST 16 11 84

D717

U B111 DEB

PARLIMEN - AGONG 4 KUALA LUMPUR

KETIKA MEMBAHASKAN USUL TERSEBUT, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN ENCIK S. SUBRAMANIAN BERKATA INSTITUSI RAJA  
BERPERLEMBAGAAN NEGARA INI TELAH MEMBERI BIMBINGAN DAN SEMANGAT  
KEPADA SEMUA USAHA KERAJAAN DAN RAKYAT DI NEGARA INI.

BELIAU YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN MIC PERKATA SERI PADUKA TELAH  
MENUNJUK JALAN, MENJADI PENASIHAT, PENAUANG DAN PEMIMPIN YANG AMAT  
BAIK YANG SENTIASA MENJADI SUMBER PERPADUAN, KETAHANAN DAN KERAJINAN  
RAKYAT.

SAMBIL MENSIFATKAN KEDUA-DUA SERI PADUKA SEBAGAI RAJA RAKYAT,  
BELIAU BERKATA MASYARAKAT KETURUNAN INDIA SENTIASA MENJUNJUNGI  
TINGGI SEGALA TELADAN SERI PADUKA.

KATANYA RAKYAT MENJUNJUNG TITAH SERI PADUKA AGAR SEMUA RAKYAT  
MENGAMALKAN SIFAT SEDERHANA DALAM SEGALA TINDAK-TANDUK DAN TUTUR KATA  
SEBAGAI USAHA PENTING SEKALI BAGI MENJAGA MARUAH DAN KEHARMONIAN  
NEGARA.

MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK PAUL LEONG MENSIFATKAN SERI  
PADUKA SEORANG YANG BERJIWA RAKYAT DAN TELAH MENUNJUKKAN PERHATIAN  
BERAT KEPADA KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. -- LAGI

1934MST 16 11 84

D732

u B117 AAB  
PARLIMEN - AGONG 5 KUALA LUMPUR

DATUK PAUL LEONG YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN PARTI GERAKAN BERKATA SERI PADUKA YANG JUGA KETUA UMAT ISLAM DI NEGARA INI JUGA MENJAMIN **PERLINDUNGAN** DAN TOLERANSI TERHADAP RAKYAT YANG MENGANUTI AGAMA LAIN SELARAS DENGAN PERLEMBAGAAN NEGARA.

BELIAU **YAKIN** MALAYSIA AKAN TERUS MENIKMATI **KEAMANAN**, KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN SEMASA PEMERINTAHAN SERI PADUKA.

MENTERI **TENAGA, TELEKOM** DAN **POS** DATUK LEO **MOGGIE**, BERKATA SATU-SATU TINDAKAN YANG MELAMPAU AKAN MEMBERI KESAN YANG **BURUK** TERHADAP NEGARA **INI**.

BELIAU YANG **JUGA** PRESIDEN PARTI **BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS)** BERHARAP SEMUA PIHAK MEMATUHI **SARANAN** SERI PADUKA SUPAYA MENGAMALKAN SIFAT KESEDERHANAAN KERANA HUEUNGAN HARMONI DI NEGARA INI **AKAN** TERJEJAS **JIKA** SESUATU **GOLONGAN TIDAK** MENGHIRAUKAN PERASAAN SENSITIF SESUATU **GOLONGAN** LAIN. -- LAGI

1050MST 14 11 84

D737

U B119 AAB  
PARLIMEN - AGONG 6 KUALA LUMPUR

MENTERI DI JABATAN **PERDANA MENTERI** DAN **MENTERI KEHAKIMAN** DATUK DR. JAMES **ONGKILI** MENSIFATKAN PERTABALAN SERI PADUKA SEBAGAI **MELAMBAHKAN** KEHARMONIAN DAN **MEMBUKTIKAN KEAMANAN** DAN KEMAJUAN **BERTERUSAN** DI NEGARA **INI**.

BELIAU **YANG JUGA** TIMPALAN PRESIDEN BERJAYA **YAKIN** PEMERINTAHAN SERI PADUKA. AKAN DAPAT MENERUSKAN **KEMAJUAN** NEGARA.

MENTERI **KEBUDAYAAN**, **BELIA** DAN **SUKAN** DATUK DR. SULAIMAN DAUD YANG **MEWAKILI** PARTI **PESAKA PUMIPUTERA BERSATU SARAWAK (PBB)** MEMUJI SERI PADUKA **KERANA** BERHEMAM **TINGGI**. BELIAU **YAKIN** SERI PADUKA AKAN DAPAT MEMBIMBING RAKYAT.

BELIAU **JUGA YAKIN** SERI PADUKA AKAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA **KEBAJIKAN** RAKYAT KERANA BAGINDA SENDIRI **GIAT** DALAM BIDANG **AGAMA**, **SUKAN** DAN **RIADAH**.

SETIAUSAHA PARLIMEN **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI** DAN **ALAM** SEKITAR ENCIK LAW HIENG DING YANG **MEWAKILI** PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (**SUPP**) **MELAHIRKAN** RASA BERTUAH RAKYAT SARAWAK KERANA DAPAT **BERNAUNG** DI BAWAH PEMERINTAHAN SERI **PADUKA**. -- LAGI

2008MST 14 11 84

UB120 AAB  
PARLIMEN - AGONG 7 KUALA LUMPUR

ENCIK DAUD DATUK HAJI TAHA (**BN - BATU PAHAT**) MEMBIDAS **ANGGOTA-ANGGOTA** DARI PARTI **PEMBANGKANG** YANG **TIDAK HADIR** SEMASA ISTIADAT PERTABALAN SERI PADUKA SEMALAM.

MENURUTNYA **ANGGOTA-ANGGOTA** PARLIMEN DARI **PEMBANGKANG** YANG **HADIR** PULA TIDAK MEMAKAI **PAKAIAN** RASMI YANG DIKEHENDAKI SEDANGKAN PERKARA ITU TIDAK **PATUT** DIABAIKAN.

BELIAU **JUGA** MENGECAM SATU-SATUNYA **ANGGOTA PAS** DI **DEWAN** RAKYAT HAJI NIK AZIZ NIK MAT **DARI** PENGKALAN CHEPA YANG TIDAK HADIR SEMASA PERBAHASAN TERSEBUT.

ENCIK **HASSAN HAJI MOHAMED (HAMIM - RANTAU PANJANG)** YANG **JUGA** SETIAUSAHA AGUNG **HAMIM BERDOA** NEGARA **INIDI** BAWAH NAUNGAN SERI PADUKA AKAN MENGALAMI PERPADUAN UMMAH.

MENURUTNYA SERI PADUKA SEBAGAI PELINDUNG AGAMA TELAH MENGGUNAKAN KUASA BAGINDA UNTUK MENGELAKKAN PERPECAHAN UMMAH DAN MASYARAKAT **BERBILANG KETURUNAN** DAN AGAMA.

KETUA **PEMBANGKANG** YANG **JUGA** SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM K I T **SIANG** BERKATA SERI PADUKA TELAH MEMXXKAT **HATI** RAKYAT NEGARA **INS** DARI SEMUA **LAPISAN** DAN **KETURUNAN**.

**DEWAN** BERSIDANG LAGI **ISNIN INI**. -- **BERNAMA**  
2014MST 16 11 84